



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**FOMEN MEKANIK (D.4 EB.5)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**FOMEN MEKANIK
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Automotif / Kejuruteraan Mekanikal atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pengawas Mekanik atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.
 3. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh). Mempunyai lesen memandu kelas 5 yang sah (tidak mansuh) adalah kelebihan.
 4. Berpengetahuan yang luas dibidang Kejuruteraan Automotif, mahir dalam teknik tatacara penyelesaian masalah dan mendiagnosis '*trouble shooting and diagnose problem*' jenis-jenis kerosakan teknikal pada sistem-sistem kenderaan dengan menggunakan: *test equipment, applicable manuals and industry resources*.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Pegawai terkanan kepada Ketua Bahagian dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan *Ground Support Equipment (GSE) Department* serta bertanggungjawab melaksanakan tugasannya semasa ketiadaannya bertugas;
2. Menyediakan dan menyelenggara kesemua dokumen, *Standard Operating Procedure (SOP)* hal ehwal proses kerja, laporan bulanan, penjadualan *servicing & maintenance*, proses pembaikan dan proses mendapatkan alat-alat ganti;
3. Menyelaraskan kesemua keperluan prasarana kelengkapan dan peralatan *Workshop GSE* adalah mencukupi, baik serta selamat untuk digunakan pada setiap masa diperlukan;
3. Memantau status pengurusan sistem *Ground Equipment Technical Information System (GETIS)* Unit Mekanikal *GSE* / Unit Produksi *GSE*;
4. Memantau penyelenggaraan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan *'health & safety'* persekitaran tempat kerja, kakitangan, kelengkapan peralatan pejabat, alat-alat ganti dan juga harta benda yang di bawah kawalan Unit Mekanikal *GSE*;
5. Memantau / mengurus hal ehwal kebajikan dan tatatertib semua kakitangan Unit Mekanikal *GSE*; dan
6. Menerima dan melaksanakan arahan tugas yang ditentukan oleh Ketua Bahagian dari masa ke semasa.